

Juhar terima Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang

UB 18.3.2014 B1

YANG Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin yang juga Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang ketiga kelmarin menerima Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang dari University of Wolverhampton (UoW) United Kingdom.

Ijazah kehormat berkenaan disampaikan oleh Naib Canselor UoW Prof Geoff Layer di Dewan Canselor UMS.

Acara berprestij itu turut disaksikan oleh seluruh warga UMS dan pada masa sama ia

menunjukkan penghormatan tertinggi kepada UMS dan Malaysia secara amnya.

Mengimbas sejarah kehidupan Juhar, beliau adalah anak kelahiran Pulau Tambisan, Sandakan dan dilantik menjadi Yang Dipertua Negeri Sabah ke-10 bagi menggantikan Tun Ahmadshah secara rasmi pada 31 Disember 2010.

Yang di-Pertuan Agong ketika itu Tuanku Mizan Zainal Abidin berkenan menyampaikan watikah pelantikan kepada Juhar pada 22 Disember 2010.

Serentak ditabalkan

sebagai Yang Dipertua Negeri, Juhar dikurniakan Darjah Tertinggi Negeri Sabah, Seri Panglima Darjah Kinabalu (SPDK) yang membawa gelaran Datuk Seri Panglima.

Dilahirkan pada 5 November 1953, beliau memulakan persekolahan di Sandakan dan bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sandakan sebelum meneruskan persekolahan di Maktab Sabah, Kota Kinabalu.

Juhar memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Wolverhampton

Polytechnic University, England pada 1977 dan memperoleh 'barrister' dalam bidang perundangan di Lincoln's Inn London.

Sekembalinya ke tanah air pada tahun 1980, beliau menyertai Jabatan Kehakiman sebagai Majistret Kelas Pertama dan ditugaskan di Mahkamah Sandakan.

Beberapa tahun kemudian, Juhar menubuhkan firma guaman sendiri dan menjadi peguam bela dan peguam cara di firma berkenaan.

Karier politikinya bermula seawal tahun 80-an dan pada 1986, beliau bertugas sebagai setiausaha politik kepada Timbalan Ketua Menteri Sabah yang ketika itu

disandang oleh Datuk Mark Koding.

Pada Pilihan Raya Umum (PRU) 1990, Juhar bertanding sebagai calon parti Usno bagi kerusi Parlimen Kinabatangan dan berjaya memenangi kerusi berkenaan.

Beliau seterusnya dilantik sebagai Timbalan Speaker Dewan Rakyat dan dilantik untuk jawatan sama buat kali kedua selepas menang di kawasannya pada PRU 1994.

Bagaimanapun, pada PRU 1999, beliau tidak bertanding. Walau tidak lagi bergelar wakil rakyat, semangat juang dalam arena politik tidak tamat di situ sahaja.

Hasrat memperjuangkan nasib nelayan dan petani yang kurang bernasib baik di tempat kelahirannya diteruskan dengan menyertai parti Umno.

Juhar dipilih sebagai

Ketua Bahagian Umno Batu Sapi untuk menerajui bahagian berkenaan dan pada 5 Disember 2002, beliau dilantik sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah sehingga tahun 2010.

Bak kata pepatah Melayu, 'ke mana tumpahnya kuah, kalau tidak ke nasi', politik seolah-olah mengalir dalam darah daging keluarganya.

Bapanya Datuk Mahiruddin Hussin adalah seorang ahli politik yang berpengaruh pada era pentadbiran Usno, manakala adiknya Senator Datuk Armani Mahiruddin adalah wanita pertama di Malaysia yang dilantik sebagai Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara.

Isterinya Toh Puan Norlidah RM Jasni adalah anak perempuan kepada Datuk RM Jasni iaitu ahli politik berwibawa yang pernah berkhidmat sebagai setiausaha politik serta

memegang jawatan senator selama dua penggal.

Perkahwinan Juhar dan Norlidah dikurniakan empat orang cahaya mata, dua lelaki dan dua perempuan iaitu Al-Hambra, Al-Hanna Surya, Al-Hanafi dan Al-Hamaliyah Hasya.

Juhar sangat meminati bidang seni dan ketika mempunyai kelapangan masa, beliau akan bermain alat muzik.

Beliau juga berkebolehan bermain gitar dan piano selain berbakat dalam bidang lukisan dan fotografi.

Bakat seninya itu turut dikongsi anaknya Al-Hanafi. Selain bermain muzik, melukis dan mengambil foto, beliau sangat aktif dalam bidang sukan.

Antara aktiviti sukan yang sering dilakukannya termasuklah bermain golf dan beliau adalah penaung kepada Sutera Harbour Marina, Golf & Country Club.



BERGAMBAR bersama Pro Canselor UMS Tan Sri Yeoh Tiong Lay (dua kiri) dan Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah (kiri).



MENERIMA anugerah yang disampaikan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman.



JUHAR ketika menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-Raja.

WARGA Sekolah Kebangsaan (SK) Tambisan bergambar bersama Juhar dan Norlidah sempena lawatan ke sekolah itu.



JUHAR menyampaikan anugerah sempena Majlis Konvokesyen UMS.



KENANGAN ketika menerima watikah perlantikan dari Yang Dipertuan Agong ketika itu Sultan Mizan Zainal Abidin.